

▼30/08/12-07MS\*

CNS0844

U GB 28-08 00186 BA857

BAH\* 301000

Mahathir - Perutusan

RAKYAT JANGAN TERPEDAYA CEMUHAN BARAT TERHADAP SISTEM DEMOKRASI KITA  
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2030, 30 OGOS)

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat Malaysia supaya jangan mudah terpedaya dengan sikap negara barat yang mencemuh sistem demokrasi negara ini dengan mendakwa bahawa sistem yang diamalkan di sini sekarang tidak cukup demokratik.

Perdana Menteri berkata: "Sebenarnya mereka ingin kita mengamalkan demokrasi yang membawa keadaan tidak stabil, kemerosotan ekonomi dan kemiskinan."

"Dengan itu mereka akan dapat mengugut dan menguasai kita," katanya dalam perutusan khas ke seluruh negara menerusi Radio dan Televisyen Malaysia malam ini sempena perayaan Hari Kebangsaan ke-36 esok.

Perdana Menteri berkata, mereka yang mengedam Malaysia, "kononya kerana kita tidak cukup demokratik, sebenarnya berniat supaya kita akan menjadi seperti negara-negara Soviet dan Yugoslavia yang sekarang menghadapi perpecahan, rusuhan kaum, penghapusan etnik dan tidak stabil."

Sementara Barat mendesak supaya negara-negara Soviet menjadi demokratik, pihak barat tidak sanggup pula menolong walau sedikitpun apabila rusuhan berlaku dan ekonomi negara-negara tersebut hancur akibat mencuba sistem demokrasi, katanya. -- lagi.

▼30/08/10-00MS\*

CNS0845

U GB 28-08 00152 BA858

BAH\* 301000

Mahathir - Perutusan 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Oleh itu, katanya, rakyat Malaysia janganlah mudah terpedaya dengan saranan pihak asing itu, kerana mereka hanya ingin Malaysia terus mundur dan tidak dapat bersaing dengan mereka dan ingin berkata bahawa "kita tidak mampu merdeka dan mentadbir diri sendiri."

Perdana Menteri menegaskan bahawa Malaysia mengamalkan demokrasi dengan memberi hak kepada rakyat memilih wakil mereka secara bebas dan inilah asas demokrasi yang terpenting.

Beliau berkata, kebebasan yang keterlaluan bukanlah demokrasi tetapi adalah anarki, iaitu suatu keadaan tanpa peraturan dan undang-undang.

"Kebebasan perlu ada hadnya kerana kita tidak mahu kebebasan satu pihak menjadi tekanan kepada pihak yang lain dan kebebasan yang keterlaluan tetap akan mengancam masyarakat.

"Jika tidak ada sekatan terhadap politik perkauman, umpamanya, ketegangan dan rusuhan kaum pasti akan berlaku dan ini sudah tentu akan menjejaskan kestabilan dan kemajuan negara," kata Dr Mahathir. -- lagi.

▼30/08/10-00MS\*

Mahathir - Perutusan 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Jesternu itu, katanya, rakyat hendaklah terus mengelak daripada bersengketa sesama sendiri kerana sesungguhnya keuntungan yang diperolehi melalui sengketa dan rusuhan adalah jauh lebih sedikit daripada bahagian yang didapati melalui agihan hasil usaha dalam keadaan aman dan makmur.

Dr Mahathir berkata, dunia telah banyak mengalami perubahan. Perang dingin telah berakhir, namun ia tidak menunjukkan bahawa dunia akan menjadi lebih aman dan konflik akan berkurangan.

Di samping itu, katanya, dagangan dunia terus bertambah sukar kerana negara-negara maju yang dahulu menjunjung dagangan bebas, hari ini asyik menyekat dagangan untuk mengelak saingan daripada negara-negara industri baru dari selatan.

"Kita perlu atasi cabaran yang datang dari negara-negara maju ini. Kita" telah menentukan matlamat ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020, negara maju yang menguasai segala kecekapan, pentadbiran, dagangan, ilmu dan industri di tahap yang sama tinggi dengan negara yang sudah maju tetapi kekal dengan nilai-nilai murni dan cara hidup yang mulia," tegas Perdana Menteri.

Jesternu itu, katanya, tema sambutan Hari Kebangsaan tahun ini, "Bersatu Menuju Wawasan" amat tepat kerana untuk mencapainya rakyat berbilang kaum harus bersatu hati dan tenaga kerana hanya dengan cara itu kita dapat menentukan tidak ada pihak yang boleh menggagalkan hasrat negara kita untuk menjadi sebuah negara maju dan bebas. -- lagi.

▼30/08/10-00MS1

Mahathir - Perutusan 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Perdana Menteri berkata, hari kebangsaan ialah satu hari bagi rakyat mengenang kembali sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan negara dan generasi muda terutamanya perlu mengetahui sejarah perjuangan itu supaya mereka tidak lupa akan pentingnya memelihara dan menghargai kemerdekaan.

"Ini kerana kalau kita tidak berhati-hati, imperialisme dalam bentuk yang halus melalui tekanan ekonomi, pengaruh budaya dan sebagainya boleh kembali semula," katanya.

Perdana Menteri berharap melalui sambutan Hari Kebangsaan rakyat akan dapat meninjau kejayaan yang telah dicapai negara dan dengan itu akan lebih menghargai usaha-usaha membangunkan negara sejak merdeka. -- Bernama.

AKT AM KAM.

▼30/08/10-00MS1